

JP

14

**PELAN LATIHAN : PERMOHONAN PENGHANTARAN PELAN LATIHAN
DAN MODUL LATIHAN YANG TELAH DISIAPKAN**

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 04 April 2010 16:37**Kepada:** UUM - All Staff

Salam, dengan hormatnya saya ingin memohon bantuan tuan/puan yang telah dilantik menjadi pengubal Pelan Latihan untuk setiap skim yang tuan/puan wakili. Sepertimana yang telah dipersetujui dalam bengkel kita yang terakhir lalu **pelan latihan dan modul latihan** yang telah siap hendaklah dihantar kepada pihak urusetia di Unit Latihan Jabatan pendaftar. Sehingga sekarang hanya **2 skim perkhidmatan sahaja iaitu skim (S)(Perpustakaan) dan skim J(elektrik) sahaja yang telah diterima oleh pihak urusetia** untuk tujuan semakan terakhir.

Sehubungan dengan itu, harapan unit latihan, Jabatan Pendaftar agar semua pengubal yang terpilih dapat menghantar dengan kadar segera pelan latihan serta modul latihan yang telah tuan/puan gubal untuk semakan pihak kami. Harapan kami agar tuan/puan dapat meluangkan masa untuk menghubungi no. talian 3047 sekiranya tuan/puan mengalami kesulitan untuk menyelesaikan pelan latihan serta modul latihan tersebut. Sekali lagi saya bagi pihak universiti ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada tuan/puan yang telah berusaha keras untuk memastikan pelan latihan dan modul latihan ini siap sepenuhnya untuk kebaikan semua kakitangan universiti ini.

Sekian, terima kasih.

Muzamil Mahmud
Unit Latihan
Jabatan Pendaftar
UUM